KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	MINGGUAN MALAYSIA			
TARIKH	:	24/10/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	TNB			



MAJLIS penyampaian Biasiswa YTN yang disempurnakan oleh Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan (belakang, tengah) di Kuala Lumpur, baru-baru ini. Turut hadir, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Ir. Baharin Din dan Pengarah YTN, Datuk Ir. Dr. Ibrahim Hussin.

YTN bantu pelajar capai impian

Oleh JUANI MUNIR AGU BAKAR
juan.bakar@mediam.ias.com.my

PETALING JAYA: Biasiswa Yayasan Tenaga Nasional (YTN) bukan sahaja meringankan beban kewangan para penerima, malah membantu mereka mencapai impian meraih segulung ijazah di menara gading dan akhirnya membuka peluang pekerjaan demi masa depan yang cerah.

Demikian antara aspirasi dan cita-cita oleh empat penerima Biasiswa YTN yang amat menghargai peluang diberikan sekali gus memberikan semangat dan iltizam baharu untuk belajar bersungguh-sungguh demi kejayaan.

Bagi penerima Biasiswa YTN, **Siti Amanina Rohaizat**, dari Ampang, Selangor, dia amat gembira setelah menerima e-mel memaklumkannya berjaya menerima biasiswa tersebut setelah tenanti-nanti khabar gembira itu.

Selain menyifatkan detik khabar itu sebagai berita paling gembira sepanjang hayat, Siti Amanina bakal menyambut pengajian bidang akauntan berkata, dia mengetahui berkenaan biasiswa tersebut daripada ibunya yang menggalakkan untuk membuat permohonan.

"Biasiswa ini membawa perubahan positif kepada masyarakat menerusi tajaan pengajian. Sejak dari saat itu, saya mencuba dan berdoa serta terus berharap permohonan diluluskan.



SITI AMANINA ROHAIZAT



KISHYAA MARY KUMERESE

Alhamdulillah, ekhirnya berjaya," katanya.

Menurut anak bongsu daripada empat adik beradik itu, dia mahu membuktikan kepada masyarakat bahawa dia mampu membawa pulang segulung ijazah menerusi tajaan biasiswa tersebut dan akhirnya menabur bakti kepada tanah air tercinta khususnya keluarga tersayang.

Nada sama dilongsikan **Kishyaa Mary Kumerese** dari Pulau Pinang, yang memohon biasiswa berkenaan bukan sahaja kerana mahu memasuki Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) yang merupakan antara universiti terbaik negara tetapi juga ingin menabur bakti kepada masyarakat setelah berjaya kelak.

Katanya, tajaan biasiswa itu secara langsung dapat membayar yuran pengajian dan menjamin keseluruhan tempoh pengajian memandangkan ibu bapanya sudah bersara.

"Terkejut dan bersyukur, itu perkataan yang boleh saya ungkapkan bagi menggambarkan perasaan setelah menerima khabar bahawa permohonan biasiswa diluluskan. Saya sungguh tidak sangka kerana menjadi insan terpilih dalam kalangan 8,400 permohonan," katanya.

Nur Fatihah Mohd. Nasir dari Batu Pahat, Johor, pula berkata, dia memohon Biasiswa YTN kerana minat yang mendalam dalam bidang kejuruteraan elektrik dan mahu menjadi sebahagian daripada warga syarikat bekalan tenaga elektrik terbesar di Malaysia iaitu TNB, merupakan impiannya sejak dari bangku sekolah lagi.

"Dengan adanya biasiswa ini, saya yakin bahawa ini merupakan peluang keemasan yang perlu saya rebut bagi merealisasikan impian saya dengan berbekalkan keputusan SPM yang cemerlang," katanya yang merupakan anak bongsu daripada lima adik beradik.

Sementara **Chee Yee Heng** dari Butterworth, Pulau Pinang pula berkata, dia meminati bidang kejuruteraan elektrik dan memohon biasiswa YTN supaya dapat mengambil program paling sesuai sekali gus berada di landasan yang tepat untuk menjadi jurutera elektrik berjaya.

Yee Heng bersyukur kerana berada selangkah lebih dekat untuk menjadi jurutera yang berjaya dan gembira usahanya diiktiraf oleh YTN.

"Lebih melegakan kerana dapat menghilangkan kebimbangan ibu bapa terhadap masa depan saya," ujar Yee Heng.

Nikmat besar, usaha agensi kita



"Saya difahamkan TNB melalui YTN telah berbelanja sebanyak RM426 juta dalam tempoh regulatory period (RP2) dari 2018 hingga Julai 2021 untuk perbelanjaan tajaan pendidikan biasiswa, pinjaman pendidikan boleh ubah dan biasiswa My Brighter Future (MyBF).

"Ini tidak termasuk perbelanjaan yang akan dipercepatkan sehingga pelajar tamat pengajian. Pelaburan pendidikan ini sangat bermakna untuk membantu kerajaan meningkatkan taraf hidup rakyat, terutamanya bagi pelajar daripada golongan berpendapatan rendah satu dua bapa mereka dalam kalangan B40.

"Saya ingat zaman saya dahulu, dapat biasiswa JPA (Jabatan Perkhidmatan Awam) RM4,000 setahun. Kalau empat tahun RM16,000 untuk habiskan kursus saya. Ini adalah satu nikmat yang amat besar, hasil daripada kemerdekaan negara kita, dan hasil daripada agensi-agensi kita, TNB seumpanya yang mengusahakan perkara ini."

DATUK SERI TAKIYUDDIN HASSAN
Menteri Tenaga dan Sumber Asli



"TNB sentiasa komited membantu kerajaan khususnya dalam usaha meningkatkan modal insan berkualiti untuk pertumbuhan negara dengan pelbagai inisiatif, penajaan dan sumbangan.

"Kami di TNB percaya bahawa menerusi peluang pendidikan, potensi modal insan akan dapat digilap dan seterusnya akan menyumbang kepada peningkatan taraf hidup rakyat serta menyumbang kepada pembangunan negara.

"Tanggungjawab korporat TNB di bidang pendidikan adalah salah satu aspek yang begitu diambil berat oleh TNB kerana kami percaya pendidikan adalah antara enabler yang boleh mengubah kehidupan masyarakat. Oleh itu, TNB lebih komited untuk menerajui program re-engineering masyarakat melalui pendidikan."

DATUK IR. BAHARIN DIN
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB